

SOALAN LAZIM

PERMOHONAN PELEPASAN IKATAN KONTRAK BAGI PEMEGANG-PEMEGANG BIASISWA PERSEKUTUAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM YANG DILANTIK SECARA KONTRAK SEBAGAI PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. Apakah MAKSUD “pelepasan ikatan kontrak kepada graduan tajaan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang dilantik secara kontrak sebagai Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)”?

Ia adalah suatu keadaan di mana pegawai-pegawai yang diluluskan pelepasan ikatan kontrak ini tidak lagi mempunyai apa-apa obligasi atau ikatan yang perlu dilaksanakan di bawah perjanjian JPA berkuat kuasa mulai tarikh kelulusan.

2. Bagaimanakah CARA untuk memohon pelepasan ikatan kontrak ini?

Pemohon boleh melayari laman sesawang <https://esilav2.jpa.gov.my> untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai cara memohon dan syarat-syarat yang ditetapkan.

3. Di dalam portal latihan JPA iaitu <https://esilav2.jpa.gov.my>, terdapat 2 jenis borang permohonan pelepasan kontrak iaitu permohonan khas bagi pegawai lantikan kontrak KKM ini dan juga Borang J3. Adakah pemohon perlu mengisi kedua-dua borang tersebut?

Bagi pelepasan khas ini, pegawai hanya perlu mengisi permohonan melalui pautan *google form* yang disediakan sahaja dan tidak perlu mengisi Borang J3.

4. Adakah permohonan ini mempunyai TARIKH TUTUP?

Permohonan DIBUKA SEPANJANG MASA dan TIADA TARIKH TUTUP.

5. Siapakah individu yang LAYAK MEMOHON?

Terdapat 2 kategori individu yang layak memohon iaitu:-

1. Pemegang Biasiswa Persekutuan JPA yang dilantik secara kontrak sebagai Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di KKM.
2. Pemegang pinjaman (sebelum tahun 2016) yang diluluskan penukaran kepada kontrak berkhidmat yang dilantik secara kontrak sebagai Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di KKM.

6. Adakah peminjam PINJAMAN BOLEH UBAH (PBU) tahun 2016 dan ke atas layak memohon?

Peminjam PBU tahun 2016 dan ke atas adalah TIDAK LAYAK memohon. Pelepasan kontrak hanya melibatkan pemegang biasiswa dan peminjam (sebelum tahun 2016) yang diluluskan penukaran kepada kontrak berkhidmat sahaja. Peminjam PBU tahun 2016 dan ke atas bertanggungjawab membayar balik pinjaman dan dikehendaki menghubungi Unit Pengurusan Kutipan dan Ganti Rugi di alamat e-mel kutipan@jpa.gov.my.

7. Adakah peminjam Pinjaman Boleh Ubah (PBU) tahun 2016 dan ke atas yang berjaya dilantik ke perkhidmatan kerajaan layak memohon?

Pelajar tajaan PBU 2016 dan ke atas yang dilantik berkhidmat dengan kerajaan adalah TIDAK LAYAK memohon. Namun begitu, permohonan pengecualian bayaran balik pinjaman atas merit dilantik berkhidmat dengan kerajaan boleh dikemukakan kepada Unit Pengurusan Kutipan dan Ganti Rugi melalui kutipan@jpa.gov.my.

8. Adakah PEGAWAI LANTIKAN TETAP layak memohon?

Pegawai lantikan tetap TIDAK LAYAK MEMOHON pelepasan khas ini. Namun begitu, pegawai lantikan tetap boleh memohon pelepasan ikatan kontrak menerusi kaedah sedia ada sekiranya telah menyempurnakan keseluruhan tempoh ikatan kontrak yang ditetapkan. Permohonan pelepasan ikatan kontrak menerusi kaedah sedia ada boleh dibuat melalui Borang J3 yang boleh di muat turun dari laman sesawang <https://esilav2.jpa.gov.my>.

9. Mengapa pegawai tetap tidak layak memohon pelepasan khas ini?

Pegawai tetap mempunyai jaminan untuk menyempurnakan keseluruhan tempoh ikatan perjanjian yang ditetapkan kerana berdasarkan status lantikan tetap, pegawai boleh terus berkhidmat dengan kerajaan sehingga umur persaraan.

10. Adakah pegawai yang TELAH MELETAK JAWATAN boleh memohon?

Pegawai yang telah meletak jawatan boleh memohon sekiranya memenuhi syarat yang dinyatakan.

11. Adakah pegawai yang TELAH DILULUSKAN PEMINDAHAN IKATAN KONTRAK KE BADAN BERKANUN kerajaan layak memohon?

Pegawai yang telah diluluskan pemindahan ikatan kontrak ke badan berkanun kerajaan adalah TIDAK LAYAK dan tidak dibenarkan memohon.

12. Adakah borang ini perlu diisi oleh pegawai lantikan kontrak yang masih berkhidmat di KKM sahaja atau termasuk juga semua pegawai lantikan kontrak yang tidak menyambung kontrak atau meletak jawatan?

Pegawai yang sedang berkhidmat di KKM, pegawai yang telah meletak jawatan dan pegawai yang tidak menyambung kontrak boleh mengemukakan permohonan sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan.

13. Apakah SYARAT-SYARAT permohonan?

- Bagi Pegawai Perubatan (Lantikan Kontrak), pegawai hendaklah telah menyelesaikan Latihan Siswazah serta Khidmat Wajib yang ditetapkan oleh KKM dan telah memperolehi Sijil Pendaftaran Penuh dari Majlis Perubatan Malaysia (MMC).
- Bagi Pegawai Pergigian (Lantikan Kontrak), pegawai hendaklah telah menyelesaikan Khidmat Wajib yang ditetapkan oleh KKM dan memperolehi Surat Pengesahan Selesai Khidmat Wajib dari Majlis Pergigian Malaysia (MDC).
- Bagi Pegawai Farmasi (Lantikan Kontrak), pegawai hendaklah telah menyelesaikan Latihan Siswazah serta Khidmat Wajib yang ditetapkan oleh KKM dan telah memperolehi status *Fully Registered Pharmacist* (FRP) dari Lembaga Farmasi Malaysia (LFM).

Latihan Siswazah dan Khidmat Wajib adalah merujuk kepada tempoh kontrak bagi menjalani Latihan Siswazah dan/atau Khidmat Wajib yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2016.

14. Apakah DOKUMEN-DOKUMEN yang diperlukan untuk melengkapkan permohonan?

JAWATAN	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN
Pegawai Perubatan	i) Salinan Sijil Pendaftaran Penuh yang dikeluarkan oleh MMC. ii) Salinan Buku Perkhidmatan yang telah dikemaskini. iii) Salinan surat pelantikan secara kontrak kali pertama (ke jawatan Pegawai Perubatan Siswazah), salinan surat pelantikan semula secara kontrak dan surat kelulusan pemendekkan tempoh khidmat wajib (sekiranya berkaitan).
Pegawai Pergigian	i) Surat Pengesahan Selesai Khidmat Wajib dari MDC. ii) Salinan Buku Perkhidmatan yang telah dikemaskini. iii) Salinan surat pelantikan secara kontrak kali pertama dan salinan surat pelantikan semula secara kontrak.
Pegawai Farmasi	i) Salinan sijil <i>Fully Registered Pharmacist</i> (FRP) yang dikeluarkan oleh LFM. ii) Salinan Buku Perkhidmatan yang telah dikemaskini. iii) Salinan surat pelantikan secara kontrak kali pertama dan salinan surat pelantikan semula secara kontrak.

15. Adakah dokumen perjanjian pelantikan kontrak KKM perlu dimuatnaik semasa mengisi *google form*?

Tidak perlu. TETAPI sekiranya pegawai tidak dapat menyediakan salinan surat tawaran pelantikan secara kontrak atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, maka dokumen perjanjian pelantikan secara kontrak yang LENGKAP hendaklah disertakan semasa memohon.

16. Adakah SALINAN DOKUMEN perlu DISAHKAN?

Salinan dokumen TIDAK PERLU disahkan. Namun sekiranya jabatan ini mendapati maklumat atau salinan dokumen yang dikemukakan adalah meragukan, jabatan ini berhak membuat semakan silang dengan pihak yang berkenaan. Sekiranya maklumat atau dokumen yang dikemukakan didapati tidak betul atau dipalsukan, maka permohonan atau kelulusan akan dibatalkan.

17. Adakah PEGAWAI PERUBATAN yang diluluskan PEMENDEKKAN TEMPOH KHIDMAT WAJIB boleh memohon?

Pegawai Perubatan yang diluluskan pemendekkan tempoh khidmat wajib dibenarkan memohon. Sila lampirkan surat kelulusan pemendekkan tempoh khidmat wajib tersebut.

18. Bagi PEGAWAI PERGIGIAN, adakah SURAT PENGESAHAN SELESAI KHIDMAT WAJIB yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri diterima sebagai dokumen sokongan?

Hanya surat pengesahan selesai khidmat wajib yang dikeluarkan oleh Majlis Pergigian Malaysia (MDC) sahaja yang diterima.

19. Berkaitan dengan Buku Perkhidmatan, adakah perlu mengemukakan keseluruhan muka surat?

Salinan Buku Perkhidmatan hendaklah mengandungi keseluruhan muka surat yang mengandungi catatan pihak sumber manusia yang menjaga buku perkhidmatan tersebut. Maklumat berkaitan rekod cuti di dalam buku perkhidmatan tersebut juga perlu dikemas kini.

20. Saya tidak dapat menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan atas sebab tertentu di pihak Ketua Jabatan saya. Bolehkah pihak JPA mengeluarkan e-mel atau surat rasmi kepada Ketua Jabatan saya supaya pihak Ketua Jabatan dapat mengambil tindakan sewajarnya?

Tidak. Pegawai adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyediakan dokumen yang diperlukan dengan lengkap. Hanya permohonan beserta dokumen yang lengkap sahaja akan diproses selanjutnya.

21. Terdapat pemberitahuan di dalam *google form* yang memaklumkan “*THE FORM IS NO LONGER ACCEPTING RESPONSES*”. Apakah maksud pemberitahuan ini dan apakah tindakan yang perlu saya lakukan?

Pemberitahuan ini bermaksud kerja-kerja penyelenggaraan sedang dilakukan ke atas sistem dan pangkalan data permohonan. Pemohon boleh melayari semula pautan permohonan selepas tempoh 48 jam.

22. Berapa lamakah TEMPOH diambil untuk memperolehi KEPUTUSAN PERMOHONAN ini?

Permohonan lengkap akan dibawa ke mesyuarat jawatankuasa berkaitan yang bersidang pada minggu terakhir setiap bulan Jan, Mac, Mei, Julai, September dan November setiap tahun. Keputusan permohonan dijangka dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh mesyuarat bersidang melalui e-mel.

23. Bagaimanakah pemohon dapat mengetahui permohonannya diterima dengan lengkap ataupun tidak?

Pemakluman mengenai penerimaan permohonan tidak dikeluarkan oleh jabatan ini. Permohonan akan diterima masuk ke pangkalan data permohonan secara automatik. Sekiranya permohonan tidak lengkap, ia akan ditolak melalui pemberitahuan e-mel manakala permohonan yang lengkap akan diproses selanjutnya.

24. Saya telah mengisi *google form* kira-kira 2 bulan yang lalu tetapi masih belum menerima apa-apa pemakluman keputusan, sedangkan mesyuarat jawatankuasa bersidang setiap dua bulan sekali. Mengapa kelewatan ini berlaku?

Jabatan ini perlu menyemak dan memperhalusi setiap permohonan secara terperinci dan teliti dari pelbagai aspek sebelum membuat keputusan ke atas setiap permohonan yang dikemukakan.

25. Adakah kelulusan pelepasan ini akan memberi KESAN KE ATAS PELANTIKAN KONTRAK SEMASA DI KKM yang sedang berkuat kuasa?

Kelulusan pelepasan ini hanya melibatkan ikatan perjanjian dengan JPA. Ia tidak melibatkan perjanjian atau kontrak pegawai dengan KKM. Sekiranya pegawai mempunyai perjanjian atau kontrak lain dengan KKM, ia perlu dipatuhi sebagaimana persetujuan pegawai dengan KKM.

26. Sekiranya pelepasan ini diluluskan, bolehkah pegawai meneruskan perkhidmatan di KKM?

Sekiranya pelepasan diluluskan, pegawai boleh dan digalakkan untuk meneruskan perkhidmatan di KKM.

27. Bolehkah pegawai meletak jawatan selepas permohonan diluluskan?

Sekiranya diluluskan, pegawai boleh membuat keputusan berkenaan perkhidmatannya di KKM sama ada terus berkhidmat atau meletak jawatan. Namun, sekiranya pegawai mempunyai apa-apa perjanjian atau kontrak yang lain dengan pihak KKM yang sedang berkuat kuasa, ia hendaklah dipatuhi sebagaimana syarat-syarat yang ditetapkan di dalam perjanjian/kontrak yang berkenaan.

28. Sekiranya pegawai MELETAK JAWATAN SELEPAS MENERIMA KELULUSAN PELEPASAN ini, adakah pegawai akan dikenakan tuntutan ganti rugi?

Pegawai yang meletak jawatan selepas diluluskan pelepasan ikatan kontrak ini tidak akan dikenakan tuntutan ganti rugi di bawah perjanjian JPA.

29. Adakah tuntutan ganti rugi akan dikenakan sekiranya pelepasan ini diluluskan?

Ganti rugi tidak akan dikenakan sekiranya permohonan diluluskan.

30. Sekiranya permohonan diluluskan, adakah ia akan memberi KESAN KE ATAS PELUANG PEGAWAI UNTUK DILANTIK KE JAWATAN TETAP?

Urusan pelepasan ikatan kontrak ini hanya melibatkan ikatan perjanjian dengan JPA. Urusan berkaitan pelantikan tetap adalah diluar bidang tugas JPA dan ia terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan.

31. Jika pegawai menerima pelantikan tetap selepas kelulusan pelepasan diberikan kepada pegawai, adakah kelulusan akan ditarik balik?

Sekiranya pegawai mendapat tawaran tetap selepas diluluskan pelepasan ikatan kontrak, kelulusan pelepasan tersebut tidak akan ditarik balik. Namun sekiranya pegawai didapati mengemukakan maklumat atau dokumen-dokumen yang tidak betul atau palsu semasa mengemukakan permohonan, maka kelulusan akan ditarik balik dan dibatalkan.

32. Permohonan saya telah DITOLAK. Bolehkah saya mengemukakan RAYUAN?

Keputusan yang dikeluarkan adalah MUKTAMAD dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan. Pemohon disarankan supaya mengemukakan permohonan baharu pada masa akan datang setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tarikh kemaskini: 20 Julai 2022.